

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2018**

**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah pelabur dan pemaju bagi projek Bandar Malaysia di Sungai Besi.

**JAWAPAN**

Tuan yang di-Pertua,

Syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) yang kini telah diletakkan di bawah naungan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah pemaju utama untuk pembangunan projek Bandar Malaysia. Seperti yang tertera di laman sesawang Kementerian Kewangan, proses permohonan cadangan (*Request for Proposal*, dengan izin) untuk pembangunan projek Bandar Malaysia telah dibuka kepada syarikat-

13

syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat untuk terlibat sebagai pemaju induk projek tersebut. Antara lain, kriteria yang ditetapkan adalah pembida perlulah dari kalangan syarikat "*Fortune 500*" dan mampu menjana perolehan tidak kurang RM50 bilion secara kumulatif untuk tiga tahun berturut-turut

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana yang diumumkan sebelum ini, lapan syarikat yang menepati kriteria yang ditetapkan telah menyatakan minat untuk menjadi pemaju induk bagi projek Bandar Malaysia. Pada masa ini proses penilaian secara komprehensif sedang dilakukan bagi memastikan hanya syarikat yang benar-benar layak dan memenuhi segala kriteria dipilih dalam pembangunan Bandar Malaysia. Adalah dijangkakan keputusan tender tersebut akan diumumkan dalam masa terdekat.

21

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 2.4.2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 53**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tindakan yang diambil ke atas MARA yang didakwa membeli hartanah bernama Unilodge di Melbourne, Australia pada harga hampir 2 kali ganda daripada harga pasaran, dan sama ada berlaku rasuah dalam pembelian itu.

115

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat kes ini dan segala dokumen yang berkaitan telah diserahkan kepada SPRM.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) sentiasa memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM bagi siasatan lanjut berhubung kes ini.